

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 SEPTEMBER 2016

Anwar rancang guling Dr. Mahathir - Lokman

Oleh **NORAZLITA MOHD. SIES**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 20 SEPT.

PANEL pemikir Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Datuk Lokman Noor Adam berkata, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah merancang untuk menggulingkan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan rancangan tersebut dimaklumkan kepada beliau dan tiga yang lain dalam satu pertemuan di Hotel Pelican di Batu Pahat, Johor pada 1998.

Lokman, 43, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, beliau diberitahu mengenai rancangan dan gerakan untuk menjatuhkan Perdana Menteri ketika itu oleh bekas Ketua Angkatan Muda PKR, Mohamed Ezam Mohd. Nor.

Katanya pertemuan itu, bekas senator tersebut telah memaklumkan kepadanya, Anwar yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri sudah tidak sehaluan lagi dengan Dr. Mahathir dalam politik dan polisi ekonomi.

Menurut Lokman, beliau diberitahu oleh Mohamed Ezam, Anwar bersedia untuk bertanding merebut kerusi Presiden UMNO itu.

"Mohamed Ezam juga memujuk kami untuk menjadi sebahagian daripada pakatan tersebut," dakwa beliau ketika memberi keterangan sebagai saksi yang disापina bagi pihak Khairy Jamaluddin pada perbicaraan kes saman Anwar terhadap Menteri Belia dan Sukan itu atas dakwaan memfitnah.

Saksi keempat pihak defendan itu ketika disoal dalam pemeriksaan utama oleh peguam Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdul-

lah yang mewakili Ahli Parlimen Rembau itu berkata, beliau percaya gerakan untuk menggulingkan Dr. Mahathir bukan 'didalangi' oleh Mohamed Ezam sahaja.

"Saya menghadiri Perhimpunan Agung UMNO pada tahun yang sama, Anwar dalam ucapannya menyatakan sokongan penuh kepada Dr. Mahathir. Namun di belakang, Anwar minta 'jenteranya' menyokongnya untuk menentang Dr. Mahathir.

"Mohamed Ezam juga meminta kami menjadi sebahagian daripada jentera tersebut dengan memberikan beberapa alasan. Apa yang saya dengar daripada Anwar adalah berbeza sama sekali. Di depan dia kata memberi sokongan penuh tetapi di belakang lain pula," ujar Lokman dengan nada penuh semangat.

Menurut saksi itu lagi, beliau kemudiannya bertemu Jais Sardi iaitu pegawai khas kepada Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang ketika itu Ketua Pemuda UMNO.

Lokman berkata, ini kerana beliau percaya Jais rapat dengan Ahmad Zahid jika tidak dia tidak akan dilantik sebagai pegawai khas kepada Ahmad Zahid.

Tujuan bertemu Jais, menurut Lokman, adalah untuk mengesahkan dakwaan bahawa Anwar mahu menggulingkan Dr. Mahathir dan juga adakah gerakan tersebut dibuat oleh Mohamed Ezam sendiri.

Menurut Lokman, Jais telah menjelaskan, Anwar juga menyebarkan perkara yang sama (menentang Dr. Mahathir) dan perkara itu berlaku 18 tahun yang lalu.

Katanya, beliau telah diarahkan oleh Datuk Saifuddin Nasution Ismail yang ketika itu Setia-

usaha Pemuda UMNO supaya pergi ke kediaman rasmi Anwar pada 2 September 1998 ketika bekas Ketua Pembangkang itu dipecat.

Lokman berkata, beliau telah dipecat daripada PKR selepas mengkritik kepemimpinan Mohamed Ezam dan Presiden parti itu, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail atas tindakan berjumpa dengan penyayang mata wang, George Soros bagi mendapatkan dana untuk menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) pada 2004.

Sepanjang memberikan keterangan di hadapan Pesuruhjaya Kehakiman, Azizul Azmi Adnan, Lokman dilihat berkali-kali mencelah dengan nada bersemangat meskipun Muhammad Shafee tidak bertanya kepadanya.

Pada suatu tahap peguam Latheefa Koya yang mewakili Anwar membantah apa yang diperkatakan oleh saksi itu kerana bagi pihak plaintif keterangan tersebut terjumlah kepada keterangan dengar cakap (hearsay).

Anwar yang dikawal oleh beberapa warden Penjara Sungai Buloh pula sesekali kelihatan tersenyum mendengar keterangan Lokman.

Anwar memfailkan saman terhadap Khairy pada 7 Mac 2008 bagi menuntut ganti rugi RM100 juta dengan mendakwa menteri tersebut yang ketika itu Naib Ketua Pemuda UMNO, mengeluarkan kata-kata berbau fitnah dan menyebabkan klip video bertajuk *Anwar and kin no threat* disiarkan dalam laman web, termasuk *Malaysiakini.com*.

Anwar selaku pihak plaintif mendakwa klip video itu mengandungi sebahagian ucapan yang dikatakan berbau fitnah dilafazkan Khairy dalam satu ceramah di Lembah Pantai di ibu negara pada atau sekitar 20 Februari 2008.

Perbicaraan bersambung Khairis ini.



LOKMAN NOOR ADAM

UM - 21/9/2016